



Ruj : (33)KKM.400-8/1/89 Jld. 2

Tarikh : 23 Februari 2017

Setiausaha-setiausaha Bahagian
Pengarah-pengarah Bahagian
Pengarah-pengarah Kesihatan Negeri
Pengarah-pengarah Hospital Negeri
Pengarah-pengarah Institusi
Pegawai-Pegawai Kesihatan Daerah

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BIL. 6 / 2017**

**PENJELASAN PELAKSANAAN CAJ PERUBATAN WARGANEGARA
MELALUI PERINTAH FI (PERUBATAN)(PINDAAN)2017**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan semua Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital, Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian dan mana-mana institusi perubatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai penjelasan pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan)(Pindaan) 2017.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 telah diwartakan dan berkuatkuasa 1 Februari 2017.

2.2 Susulan itu, Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2017 bertarikh 24 Januari 2017 berkenaan Pelaksanaan Perintah Fi

(Perubatan) (Pindaan) 2017 telah dikeluarkan pada 24 Januari 2017.

3. PENJELASAN LANJUT MENGENAI PELAKSANAAN PERINTAH FI (PERUBATAN)(PINDAAN) 2017

- 3.1 Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 adalah terpakai di hospital / institusi / klinik kesihatan / klinik pergigian KKM di mana berkaitan.
- 3.2 Pelaksanaan caj pergigian (pesakit dalam dan pesakit luar) adalah terpakai untuk semua fasiliti yang memberikan perkhidmatan pergigian. Pelaksanaan penuh caj pergigian berdasarkan Perintah Fi (Perubatan)(Pindaan) 2017 berkuatkuasa pada **1 Mac 2017**.
- 3.3 Kadar **caj pesakit luar (rujukan Kerajaan)** untuk rawatan radioterapi dan onkologi dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 dikenakan berdasarkan caj pesakit Kelas Tiga dalam Jadual C Bahagian 4, Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 berkuatkuasa serta merta.

4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh dikeluarkan.
- 4.2 Semua syarat, kadar caj dan apa jua yang terkandung di dalam Surat Pekeliling ini adalah tertakluk kepada pindaan yang akan dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN)